



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KENYATAAN SIARAN RASMI

UMK BANTU KURANGKAN BEBAN PELAJAR

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sentiasa prihatin dengan keadaan semasa pelajar yang sedang menjalani pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian sejak arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kali pertama yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia bermula 17 Mac 2020 akibat penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Universiti sedar bahawa pelajar dan keluarga berhadapan dengan situasi getir dengan keadaan kewangan serta pendapatan yang tidak menentu.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil 3/2021 (kali ke-59) yang bersidang pada 14 Jun 2021 telah bersetuju untuk meluluskan pengurangan yuran berulang iaitu Yuran Penginapan dan Yuran Aktiviti Pelajar pada Semester Februari Sesi 2020/2021 berjumlah **RM2,164,975.00** yang melibatkan seramai 8,275 orang pelajar prasiswazah. Pemulangan yuran tersebut akan dibuat secara berperingkat bermula pada 4 Julai 2021.

Untuk makluman, pihak universiti juga telah menyalurkan bantuan kepada pelajar berjumlah **RM7,928,613.80** pada tahun 2020 di mana **RM4,345,502.00** adalah menggunakan sumber dalaman universiti dan **RM3,583,111.80** adalah hasil kerjasama antara universiti dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta beberapa agensi luar yang terdiri daripada syarikat swasta, yayasan dan NGO.

Sehingga 30 Jun 2021 pula, pihak universiti telah menyalurkan bantuan berjumlah **RM9,318,771.00** di mana **RM9,054,365.00** adalah menggunakan sumber dalaman universiti dan **RM264,406.00** hasil kerjasama antara universiti dengan pihak KPT serta beberapa agensi luar.

Namun begitu, mengambil kira jumlah bantuan yang telah diberikan dan kedudukan kewangan semasa universiti, Bantuan Khas Pelajar Latihan Industri (BKPLI) pada Semester Februari Sesi 2020/2021 tidak dapat dipertimbangkan. Untuk makluman, pemberian bantuan ini turut tidak dilaksanakan di Universiti Awam yang lain.

Pihak universiti sentiasa prihatin dengan pelajar-pelajar yang menghadapi masalah kewangan dalam tempoh pandemik ini. Sekiranya memerlukan bantuan kewangan, pelajar boleh menghubungi Seksyen Tatatertib dan Kebajikan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar menerusi email : btkp.hepa@umk.edu.my

Diharapkan dengan bantuan pengurangan yuran daripada universiti ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban pelajar untuk meneruskan pengajian sepanjang tempoh pandemik yang mencabar ini.

Pihak universiti berharap semua pelajar dapat bersabar, tabah dan sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Marilah kita sama-sama berdoa agar wabak ini diangkat oleh Allah SWT dan dapat meneruskan kehidupan seperti sedia kala.

PUSAT KOMUNIKASI KORPORAT
Universiti Malaysia Kelantan

1 Julai 2021

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN